

# MEMO

## TIMBALAN PENGARAH SOKONGAN AKADEMIK

|                                  |  |
|----------------------------------|--|
| RUJUKAN : PSIS/600-2/10Jld.3(24) | Tarikh : 22 Mac 2022   |
| Perkara                          | <b>DAFTAR KELUAR KOLEJ KEDIAMAN FASA 1 SESI II : 2021/2022</b>   |
| Kepada                           | <b>Semua Pelajar Kolej Kediaman</b>  |
| Daripada                         | <b>Timbalan Pengarah Sokongan Akademik</b> s.k :<br><b>1. Pengarah</b><br><b>2. TPA</b><br><b>3. Semua KJ, KS dan KU</b><br><b>4. Pengawal Keselamatan</b> |

Saudara/saudari,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat No. Rujukan: PSIS/600-2/10Jld.3(6) bertarikh 15 Februari 2022.

2. Sepertimana yang telah dimaklumkan bahawa Sesi Pembelajaran dan Pengajaran Fasa 1 di kampus adalah sehingga 02 April 2022. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan urusan daftar keluar Kolej Kediaman berjalan lancar, pelajar dikehendaki untuk mematuhi ketetapan seperti berikut:

- a) **Urusan Daftar Keluar dan Pemulangan Kunci Bilik**  
Tarikh : Pada atau sebelum 01 April 2022 (Jumaat)  
Waktu : 8.30am hingga 4.30pm  
Tempat : Pejabat Kolej Kediaman
- b) **Urusan Keluar Kampus PSIS**  
Tarikh : Pada atau sebelum 02 April 2022 (Sabtu)  
Waktu : 8.00am hingga jam 6.00pm

3. Pelajar adalah dibenarkan untuk daftar keluar dan keluar kampus awal daripada tarikh yang ditetapkan sekiranya telah mendapat kebenaran daripada Jabatan masing-masing.

4. Bersama-sama dengan ini dilampirkan Garis Panduan Daftar Keluar Kolej Kediaman (Lampiran 1) dan Pelan Lalulintas (Lampiran 2) untuk perhatian. Sebarang pertanyaan berhubung dengan perkara ini boleh menghubungi Pejabat Kolej Kediaman di talian 03-32806285. Kerjasama dan perhatian pelajar berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(NORMAN BIN ZAMRI)**

Samb : 6204

E-mel : [norman@psis.edu.my](mailto:norman@psis.edu.my)

## LAMPIRAN 1

### GARIS PANDUAN DAFTAR KELUAR KOLEJ KEDIAMAN DAN PEMULANGAN KUNCI

1. Pelajar hendaklah memastikan bilik dalam keadaan bersih, kemas, peralatan elektrik dimatikan, cermin tingkap dan pintu ditutup rapat sebelum meninggalkan bilik;
2. Pelajar perlu hadir sendiri ke Pejabat Kolej Kediaman bagi tujuan daftar keluar dan pemulangan kunci bilik;
3. Pelajar perlu mencetak resit bayaran yuran Kolej Kediaman dan menyerahkan kepada petugas kaunter Pejabat Kolej Kediaman;
4. Hanya pelajar yang telah membuat bayaran yuran Kolej Kediaman sahaja dibenarkan untuk daftar keluar;
5. Pelajar perlu mengimbas kad pelajar / menyerahkan borang pengesahan pulang kunci di pondok kawalan keselamatan utama sebelum keluar daripada kawasan kampus.
6. Hanya **seorang (1) waris** sahaja yang lengkap divaksin dibenarkan berada di kawasan Politeknik dan sentiasa memakai penutup muka serta menjaga penjarakan sosial;
7. Waris yang hadir **DIWAJIBKAN membuat saringan suhu** badan di pondok pengawal keselamatan sebelum dibenarkan memasuki kampus. Waris yang sakit atau bacaan suhu badan melebihi atau sama 37.5°C atau bergejala Covid-19 (demam, batuk, selsema dan sesak nafas) tidak dibenarkan memasuki kampus;
8. Waris **TIDAK DIBENARKAN** memasuki bilik pelajar;
9. Sila patuhi arahan dan tunjuk arah yang disediakan semasa berada di kampus termasuk penggunaan ruang parkir yang ditetapkan. Pergerakan lalulintas di dalam kampus seperti di lampiran 2 perlu dipatuhi. Hanya kenderaan yang dibawa oleh waris/penjaga sahaja dibenarkan memasuki kawasan kampus.

**Nota:** Mana-mana pelajar yang gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan akan dikenakan tindakan tatatertib.



# PELAN LALULINTAS PENDAFTARAN KELUAR KOLEJ KEDIAMAN FASA 1 SESI II : 2021/2022

